

# Keluarga

## Asas Generasi Berakhlak Mulia



**P**embentukan keperibadian yang unggul tidak berlaku secara automatik. Hal tersebut memerlukan usaha yang berterusan melalui pelbagai proses, termasuklah pengajaran, teladan, pembelajaran dan amalan harian. Proses ini dikenali sebagai pembentukan karakter yang memainkan peranan penting untuk mencorakkan peribadi individu.

Dalam konteks masyarakat pada hari ini, pembentukan karakter yang terarah semakin kritikal memandangkan belia masa ini berdepan dengan pelbagai cabaran dan peluang yang tidak pernah dialami oleh generasi terdahulu. Mereka terdedah kepada pelbagai pengaruh negatif melalui media massa, Internet dan sumber luaran lain yang semakin berleluasa.

Hakikat bahawa kanak-kanak menghabiskan kira-kira 900 jam setahun di sekolah menunjukkan bahawa masa bersama-sama ibu bapa semakin berkurangan. Kesibukan ibu bapa dalam urusan pekerjaan menjadikan masa yang diluahkan untuk memantau anak semakin terbatas. Perkara ini memberikan kesan langsung terhadap pembentukan karakter anak. Apabila waktu kenalan (contact time) antara ibu bapa dengan anak berkurangan, maka proses bimbingan, pengawasan dan pembentukan karakter menjadi semakin longgar.

### Keluarga sebagai Institusi Pendidikan Pertama

Keluarga merupakan madrasah pertama dan utama dalam kehidupan seseorang anak. Dalam ajaran Islam, keluarga dianggap sebagai institusi pendidikan paling penting yang berperanan menyemai pendidikan asas tentang nilai agama, moral dan sosial. Kanak-kanak mula mempelajari nilai asas yang menjadi panduan mereka ketika berinteraksi dengan dunia luar melalui ibu bapa, adik-beradik dan ahli keluarga lain.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Setiap bayi dilahirkan atas fitrah (suci), maka ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi, seperti seekor binatang yang melahirkan anak dalam keadaan sempurna. Apakah kalian melihat ada yang lahir dengan anggota yang terpotong?" (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim). Hadis ini menggambarkan bahawa setiap manusia lahir dalam keadaan fitrah, iaitu suci dan berpotensi mengenal Allah. Namun begitu, ibu bapalah yang membentuk anak tersebut mengikut cara hidup yang diajar dalam agama masing-masing, termasuklah Islam sebagai panduan utama dalam pembentukan akhlak dan keperibadian yang baik.

Pengaruh yang diberi oleh ibu bapa semasa anak masih kecil amat penting untuk membentuk karakter mereka. Jika seseorang anak dibesarkan dalam persekitaran yang menekankan nilai murni seperti kejujuran, tanggungjawab dan hormat-menghormati, maka mereka cenderung untuk mengamalkan nilai ini dalam kehidupan seharian. Sebaliknya, jika anak tidak

memperoleh bimbingan yang secukupnya di rumah, mereka lebih mudah terdedah kepada pengaruh negatif dari luar.

### Pengaruh Ibu Bapa sebagai Teladan Utama

Ibu bapa bukan sahaja bertindak sebagai penjaga, tetapi juga sebagai pendidik utama dalam keluarga. Tindakan dan sikap mereka menjadi teladan yang diikuti oleh anak. Contoh yang diberikan oleh ibu bapa dalam hal mengurus kehidupan seharian, dari segi cara berkomunikasi, menangani masalah dan menjaga perhubungan menjadi asas kepada cara anak berinteraksi dengan dunia.

Sikap ibu bapa yang penyayang, sabar dan beretika akan meninggalkan kesan yang mendalam terhadap jiwa anak. Sebagai contoh, jika ibu bapa bersikap adil dan bertanggungjawab dalam kehidupan mereka, maka anak akan terdorong untuk mengamalkan nilai yang sama. Hal ini menjadikan ibu bapa sebagai model yang mencerminkan nilai akhlak dan agama dalam kehidupan anak.

### Kepentingan Hubungan Erat antara Ibu Bapa dengan Anak

Hubungan yang erat antara ibu bapa dengan anak memainkan peranan penting dalam pembentukan karakter dan perkembangan emosi mereka. Hal ini bukan sekadar hubungan fizikal, tetapi melibatkan interaksi yang mendalam, pemahaman emosi dan komunikasi yang berkesan. Kepentingan hubungan erat ini tidak dapat dinafikan, terutamanya bagi memastikan anak membesar dengan nilai moral yang kukuh, mempunyai keyakinan diri dan kemahiran sosial yang positif.

### Pembentukan Kepercayaan Diri dan Kestabilan Emosi

Apabila anak berasa disayangi, dihargai dan diberi perhatian, mereka akan membina asas kepercayaan diri yang kukuh. Keyakinan diri yang mantap penting untuk menghadapi cabaran dalam kehidupan. Selain itu, hubungan yang erat juga membantu mengukuhkan kestabilan emosi anak. Mereka belajar bagaimana untuk mengurus emosi sendiri apabila merasakan sokongan daripada ibu bapa. Hal ini membolehkan mereka mengatasi tekanan dan kekecewaan dengan lebih baik.

Anak yang mempunyai hubungan yang erat dengan ibu bapa lebih cenderung untuk mengembangkan

tingkah laku sosial yang positif seperti empati, kerjasama dan sikap tolong-menolong. Mereka juga lebih mampu untuk mengawal tingkah laku agresif dan mengelakkan diri daripada terlibat dalam kegiatan negatif seperti penyalahgunaan dadah atau jenayah.

### Pengaruh Positif dalam Pembentukan Karakter

Hubungan erat antara ibu bapa dengan anak juga menjadi landasan terhadap pembentukan karakter yang baik. Apabila ibu bapa meluangkan masa yang berkualiti dengan anak, mereka dapat membimbing anak melalui contoh teladan dan perbualan yang mendalam tentang nilai moral. Hal ini termasuklah mengajar anak tentang tanggungjawab, kejujuran, sikap hormat dan kebaikan.

Contohnya, aktiviti seperti makan bersama-sama bukan sahaja mengeratkan hubungan keluarga, tetapi juga menyediakan platform untuk ibu bapa mendidik anak tentang etika sosial, tanggungjawab keluarga dan nilai Islam. Apabila anak terbiasa berkongsi pengalaman harian mereka dengan ibu bapa, mereka akan belajar menghargai pentingnya komunikasi terbuka dan kejujuran dalam hubungan.

### Mencegah Masalah Tingkah Laku

Ketiadaan hubungan yang erat antara ibu bapa dengan anak boleh membawa kepada pelbagai masalah tingkah laku. Anak yang berasa diabaikan atau kurang perhatian mungkin mencari perhatian di luar rumah yang boleh menyebabkan mereka terpengaruh dengan perkara negatif seperti rakan sebaya yang tidak baik, media sosial yang merosakkan atau budaya hedonisme. Masalah tingkah laku seperti ketidakpatuhan, pencerobohan dan pelibatan dalam aktiviti tidak sihat sering berlaku dalam kalangan kanak-kanak yang tidak mempunyai sokongan emosi yang mencukupi daripada ibu bapa mereka.

Oleh itu, penting bagi ibu bapa untuk memastikan bahawa mereka meluangkan masa yang berkualiti bersama-sama anak, walaupun dalam jadual harian yang sibuk. Aktiviti harian seperti bermain bersama-sama, melakukan tugas rumah bersama-sama, atau berbicara secara terbuka tentang perasaan dan pengalaman anak akan membantu membina hubungan yang kukuh dan penuh kepercayaan.

### Menyokong Perkembangan Kognitif dan Akademik

Hubungan erat antara ibu bapa dengan anak berupaya meningkatkan prestasi akademik mereka. Apabila

ibu bapa aktif terlibat dalam pendidikan anak mereka seperti memantau kerja rumah, berbincang tentang pelajaran dan memberikan galakan, anak cenderung untuk mencapai keputusan yang lebih baik di sekolah. Hubungan yang erat memberikan keyakinan kepada anak untuk berusaha lebih gigih dalam pelajaran kerana mereka tahu bahawa ibu bapa memberikan sokongan yang sepenuhnya.

### Tahap Pendidikan Karakter dalam Keluarga

Pembentukan karakter dalam keluarga berlaku dalam beberapa tahap yang berbeza-beza berdasarkan perkembangan usia dan keupayaan kognitif anak. Setiap tahap memerlukan pendekatan dan bimbingan yang sesuai dengan keperluan perkembangan emosi dan mental mereka.

#### Tahap Pertama (0 - 6 Tahun): Pendidikan melalui Teladan



Pada peringkat ini, anak mula membentuk persepsi mereka tentang dunia berdasarkan pemerhatian terhadap tingkah laku ibu bapa dan orang dewasa lain di sekeliling mereka. Kanak-

kanak pada usia ini sangat sensitif terhadap persekitaran mereka dan belajar dengan cara meniru tindakan orang lain. Mereka mungkin belum memahami konsep moral yang abstrak, tetapi mereka dapat menyerap nilai asas seperti kejujuran, kebaikan dan hormat melalui pengalaman harian.

Ibu bapa pada peringkat ini perlu menjadi teladan yang baik dengan menunjukkan sikap yang konsisten, penuh kesabaran dan kasih sayang. Sebagai contoh, ibu bapa boleh mengajar anak untuk memberi salam, membantu orang lain dan menghormati orang tua. Aktiviti harian seperti bermain bersama-sama, membacakan cerita atau mendidik mereka tentang kebersihan peribadi penting dalam pembentukan asas karakter mereka.

#### Tahap Kedua (6 - 12 Tahun): Pendidikan melalui Penjelasan dan Bimbingan

Pada peringkat ini, anak mula memahami sebab di sebalik peraturan sosial dan moral yang diikuti. Mereka mampu untuk memahami



konsep moral yang lebih mendalam dan dapat melihat akibat daripada tindakan mereka. Pada usia ini, pendidikan karakter melalui penjelasan menjadi sangat penting. Ibu bapa perlu memberikan penerangan tentang peri penting nilai seperti hormat-menghormati, tanggungjawab dan keadilan dalam kehidupan.

Contohnya, jika anak diajar untuk memberi salam kepada orang yang lebih tua, mereka juga perlu diajar tentang peri penting perbuatan ini untuk menjaga hubungan sosial dan menunjukkan penghormatan. Hal ini membantu anak bukan sahaja untuk mematuhi peraturan, tetapi juga memahami dan menghargai nilai di sebaliknya tindakan mereka.

**Tahap Ketiga (13 - 18 Tahun): Pendidikan melalui Pelibatan dan Pemantauan**



Peringkat remaja merupakan masa yang paling mencabar dalam pendidikan karakter, kerana anak pada usia ini mula mencari identiti diri mereka sendiri. Mereka sering terdedah kepada pelbagai pengaruh luar seperti rakan sebaya, media dan hiburan. Pada masa ini, ibu bapa perlu memainkan peranan yang lebih aktif untuk memantau aktiviti anak sambil memberikan mereka kebebasan yang diiringi dengan tanggungjawab.

Anak remaja memerlukan ruang untuk mengeksplorasi minat dan kecenderungan mereka sendiri, tetapi pada masa yang sama mereka masih memerlukan bimbingan yang berterusan. Ibu bapa perlu memperkenalkan aktiviti positif yang boleh membantu anak mengembangkan minat mereka sambil mengekalkan nilai moral yang baik. Misalnya, anak yang mempunyai minat dalam seni boleh didorong untuk terlibat dalam aktiviti seni yang positif seperti melukis, menulis puisi dan bermain alat muzik supaya mereka dapat mengekspresikan diri sambil mempelajari kesabaran, dedikasi dan kreativiti.

Pada peringkat ini juga, komunikasi terbuka antara ibu bapa dengan anak sangat penting. Ibu bapa perlu membincangkan isu yang lebih kompleks seperti etika, tanggungjawab sosial dan cabaran moral dalam kehidupan moden. Pada ketika ini, remaja membina sistem nilai mereka sendiri, dan sokongan ibu bapa amat diperlukan untuk membantu mereka membuat keputusan yang bijak berdasarkan prinsip agama dan moral.

**Tahap Akhir (18 Tahun ke Atas): Pendidikan melalui Pemantapan Nilai**



Setelah mencapai usia awal dewasa, anak biasanya sudah membentuk pandangan hidup dan sistem nilai mereka sendiri. Pada peringkat ini, peranan ibu bapa adalah untuk memperkukuh dan memperdalam nilai yang telah dipelajari sepanjang hidup anak. Anak pada usia ini mula memasuki alam pekerjaan atau melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Mereka akan menghadapi lebih banyak keputusan besar yang memerlukan pertimbangan moral dan etika.

Ibu bapa perlu terus menjadi sumber nasihat dan teladan untuk membantu anak membuat keputusan yang bijak dalam kehidupan dewasa mereka. Pengulangan nilai seperti amanah, kejujuran, tanggungjawab dan kesopanan perlu diteruskan untuk memastikan anak mampu menghadapi cabaran dunia moden dengan prinsip yang kukuh.

Secara keseluruhannya, keluarga merupakan madrasah utama yang memainkan peranan penting untuk membina generasi yang berakhlak mulia. Pendidikan moral dan rohani yang disemai dalam keluarga menjadi asas terhadap pembentukan individu yang mampu menghadapi cabaran dunia moden dengan pegangan agama dan etika yang kukuh. Walaupun keluarga berdepan dengan pelbagai cabaran pada era moden ini, pendidikan karakter yang konsisten dan bimbingan yang berterusan merupakan kunci kepada kejayaan dalam usaha membina generasi yang berdaya tahan, berakhlak mulia dan berjaya dalam kehidupan. 🌟